

Muis
adakan
dialog
kedua
hari ini

30 SEP 1986

MAJLIS Ulama Islam
Singapura (Muis)
akan mengadakan di-
alog dengan lima
buah pertubuhan pada
2.30 petang ini di peja-
bat Muis, Empress
Place.

Pertubuhan-pertubu-
han itu ialah Persatuan
Islam dan Pencak Silat
Singapura, Persatuan
Muhibah Islam, Persatu-
an Arab Singapura, Per-
satuan Guru-Guru Aga-
ma Singapura (Pergas)
dan Persatuan Pelajar-
Pelajar Agama Dewasa
Singapura (Perdaus).

Ini merupakan dialog
kedua Muis dengan ba-
dan-badan Melayu/Islam
setempat.

Pertemuan yang perta-
ma telah diadakan Sabtu
lalu.

Pada Sabtu ini pula
Muis akan mengadakan
dialog dengan Persekutu-
an Seruan Islam Singa-
pura (Jamiyah).